

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SKW103 - Pengantar Sains Politik

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Jawab SATU soalan di Bahagian A, SATU soalan di Bahagian B dan soalan ketiga boleh dipilih dari Bahagian A atau Bahagian B. Setiap soalan bernilai 100 markah.

Bahagian A

1. Proses politik telah kita takrifkan sebagai proses pengagihan nilai oleh pihak berkuasa yang melibatkan persaingan untuk menawan dan mencorak imaginasi dan pemikiran manusia. Dengan berlandaskan pengertian ini, huraikan pemahaman anda tentang proses politik.
2. “Kita sememangnya setuju dengan semangat dan matlamat asas demokrasi. Namun demokrasi tidak semestinya mengambil satu bentuk sahaja, iaitu bentuk yang dicipta di masyarakat dan dalam pengalaman politik Eropah-Amerika yang kemudiannya dipaksakan ke atas seluruh dunia. Demokrasi sendiri menuntut supaya kita menghormati budaya, pengalaman, nilai dan keperluan yang berbeza-beza di antara masyarakat manusia.” Apa pendapat anda tentang pendapat ini.
3. Pemimpin-pemimpin Asia-Afrika yang sering membesar-besarkan apa yang mereka dakwa sebagai kelemahan kaedah demokrasi - contohnya, demokrasi tidak efisien, demokrasi merupakan satu kemewahan yang bukan prioriti, demokrasi membawa perpecahan - sebenarnya mencari dalah untuk mereka meneruskan pemerintahan autokratik yang hanya menguntungkan diri dan kumpulan mereka. Apa pendapat anda?

Bahagian B

4. Dosa paling besar penjajahan Eropah ke atas masyarakat Asia-Afrika di abad kesembilan belas ialah pembentukan negara-negara secara sembarangan dengan tidak mengambil kira sejarah, budaya dan perkelompokan masyarakat, yang akibatnya ialah negara-negara baru tanpa identiti bangsa yang terus dihantui oleh masalah pembentukan bangsa yang sangat rumit. Huraikan.
  
5. Apakah yang anda fahamkan dengan konsep “penyertaan politik”? Apakah saluran-saluran utama melalui mana warganegara dalam satu sistem politik demokratik boleh menyertai sistem politik? Setujukah anda dengan pendapat bahawa, untuk negara-negara membangun terutamanya, penyertaan rakyat ramai di dalam pilihanraya yang diadakan dari masa ke semasa dan yang melibatkan persaingan terbuka di antara dua atau lebih parti adalah mencukupi dalam peranan rakyat mengawal kuasa dalam sebuah masyarakat demokratik.
  
6. “Negara”, “kerajaan” dan “bangsa” merupakan tiga konsep yang sering dikaitkan dengan proses politik moden. Ianya juga merupakan tiga konsep yang tidak mudah untuk difahami. Cuba huraikan pengertian konsep-konsep ini supaya jelas perbezaan di antara mereka. Gunakan contoh-contoh.

- oo o0o oo -